

# Malaysia bentuk aFINity@SC - PM

Oleh **AZMAN IBRAHIM**  
dan **FADZIL ZAINOL**

pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 3 Sept.** - Malaysia melaksanakan beberapa siri perubahan bagi mengukuhkan persekitaran perniagaan secara keseluruhan di negara ini termasuk menubuhkan rangkaian baharu teknologi kewangan yang dinamakan Pakatan Komuniti Teknologi Kewangan atau aFINity@SC.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, bagi menjayakan siri perubahan itu, Suruhanjaya Sekuriti memainkan peranannya dengan cara-cara yang signifikan iaitu dengan membentuk rangkaian baharu pihak-pihak berkepentingan dalam bidang tersebut.

Menurut beliau, rangkaian baharu itu dilihat dapat menghubungkan usahawan-usahawan teknologi kewangan (fintech) dengan pelabur-pelabur, penyelidik-penyelidik, mentor-mentor dan agensi-agensi kerajaan yang relevan.

Jelasnya, hubungan kerjasama itu juga dapat meningkatkan kesedaran terhadap peluang-peluang yang terdapat dalam sektor, menjadi pemangkin pembentukan perniagaan serta pembangunan dengan menubuhkan hab bagi menyuburkan ekosistem fintech yang belum matang dan menyediakan undang-undang persekitaran yang mempromosikan inovasi kewangan yang bertanggungjawab.

"Bagi memandang lebih jauh ke hadapan, Suruhanjaya Sekuriti telah mengenal pasti sektor berpotensi tinggi baharu iaitu fintech. Fintech menunjukkan kepentingan teknologi kepada ekonomi.

"Fintech meliputi pelbagai penggunaan teknologi kewangan bermula daripada dagangan perisian sehingga ke data pasaran, teknologi bursa saham, pengkomputeran awan, rangkaian berkelajuan tinggi dan teknologi mudah alih," katanya sewaktu menyampaikan ucapan pada perasmian Simposium Pasaran Modal Dunia di sini hari ini.

Hadir pada majlis itu ialah Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, Datuk Ranjit Ajit Singh.

Tambah Najib, Malaysia masih tidak boleh berpuas hati dengan pencapaian dalam sistem kewangan yang kukuh dan teguh berikutan harga komoditi dan minyak tidak lagi berada pada kedudukan yang baik seperti sebelum ini.

Malah, ekonomi kedua terbesar dunia turut menunjukkan petanda untuk bergerak perlahan dan mudah tunai global yang mungkin berkurangan.

"Ini menunjukkan satu bentuk kebiasaan baharu kepada persekitaran ekonomi dunia pada waktu ini," ujarnya.

Sebagai satu daripada pengasas ASEAN dan kini menjadi pengerusi pembentukan komuniti itu, kata Perdana Menteri, Malaysia yakin terhadap nilai pasaran tunggal dan asas pengeluaran yang membenarkan 10 ahli komuniti serantau berkecuaan untuk mendapat manfaat daripada aliran barangan, perkhidmatan dan modal yang lancar merentasi sempadan.

Perdana Menteri menambah, kedudukan ekonomi Malaysia pada waktu ini juga jauh lebih baik berbanding berada dalam krisis ekonomi pada 1997 dan 1998.

Katanya, dalam tempoh 15 tahun yang lalu, kerajaan sudah menjalankan perubahan struktur penting dalam sistem perbankan dan kewangan termasuk memperkenalkan tanda aras rangka kerja kawal selia antarabangsa dan rejim-rejim penyeliaan yang ketat, memperkukuhkan keperluan berhemat untuk peserta-peserta pasaran serta melakukan perubahan tadbir urus korporat yang meluas.

"Asas perolehan fiskal negara juga kukuh apabila kerajaan memperkenalkan sistem cukai barang dan perkhidmatan (GST)," jelas beliau.

Terdahulu, dalam ucapannya, Najib berkata, beliau langsung tidak menyangka akan mendapat serangan berterusan daripada pemimpin terdahulu.